



## KENYATAAN MEDIA

### PERMULAAN SESI PERSEKOLAHAN BAGI TAHUN AKADEMIK 2022

**Isnin, 13 Disember 2021** – Sehubungan dengan Sesi Sidang Media pada hari Ahad, 12 Disember 2021 mengenai dengan Fasa Awal Endemik, Kementerian Pendidikan ingin mengongsikan mengenai sesi persekolahan penggal pertama bagi sesi akademik tahun 2022 bagi sekolah-sekolah rendah, menengah, pusat-pusat tingkatan enam, sekolah-sekolah vokasional dan Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) di bawah kawalan Kementerian Pendidikan dan sekolah-sekolah swasta. Ianya akan bermula pada hari Isnin, 29 Jamadilawal 1443 bersamaan 3 Januari 2022 dengan sesi pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka dijalankan secara berperingkat.

Sementara itu, sekolah-sekolah antarabangsa dan pusat-pusat latihan, Institusi Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) dan Institusi-Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Swasta (IPTS) akan bermula mengikut kalender akademik masing-masing.

Pembukaan secara berperingkat ini adalah bertujuan untuk memantau keadaan jangkitan wabak ini terlebih dahulu dalam kalangan pelajar-pelajar, tenaga pengajar dan kakitangan institusi-institusi pendidikan tersebut sebelum ianya dibuka ke peringkat seterusnya, selain membudayakan norma baharu di kalangan warga sekolah, Institusi Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) dan Institusi-Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Swasta (IPTS).

Pada peringkat pertama ini dan bagi menjaga kemaslahatan pelajar-pelajar serta warga sekolah, Kementerian Pendidikan telah menyediakan *Whole School Modification Approach* dan garis panduan serta langkah-langkah yang komprehensif bagi sekolah-sekolah melaksanakan pembukaan semula sesi persekolahan. Ini merupakan tambahan kepada *Business Continuity Plan* (BCP) sekolah-sekolah yang sedia ada di mana pelajar, tenaga pengajar dan bukan tenaga pengajar yang telah lengkap menerima dua (2) dos vaksin akan menjalani ujian *Antigen Rapid Test* (ART) seminggu sekali bermula dari Peringkat Pertama bulan Januari 2022 sehingga kepada satu penilaian dibuat untuk perlaksanaannya diubah.

Dengan memberi keutamaan kepada pelajar-pelajar yang telah lengkap divaksinasi, untuk hadir di sekolah secara bersemuka kaedah pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran adalah dibahagi kepada **Dua Peringkat**:

**Di Peringkat Pertama, iaitu bermula pada 3 Januari 2022,** pengajaran dan pembelajaran adalah dilaksanakan secara bersemuka lima (5) kali dalam seminggu bagi pelajar-pelajar:

- Tahun 10 dan 11 (iaitu di Sekolah Menengah) termasuk pelajar-pelajar yang berkeperluan khas dalam *priority level* 1 hingga 2. Manakala bagi pelajar-pelajar dalam kategori *priority level* 3 sebanyak tiga (3) kali dalam seminggu; dan
- Tahun 12 dan 13 (iaitu pelajar-pelajar di Pusat Tingkatan Enam) termasuk pelajar-pelajar yang berkeperluan khas dalam *priority level* 1 hingga 2. Manakala bagi pelajar-pelajar dalam kategori *priority level* 3 sebanyak tiga (3) kali dalam seminggu.

Sementara itu, pengajaran dan pembelajaran bagi pelajar-pelajar lain adalah melalui kaedah dalam talian atau secara *Home Learning Pack (HLP)*.

Peringkat Pertama ini dijangka akan berlangsung sekurang-kurangnya selama dua (2) minggu dan peralihan ke Peringkat Kedua adalah tertakluk kepada keadaan di mana tiada peningkatan penularan kes jangkitan wabak yang serius di kalangan pelajar, tenaga pengajar dan kakitangan sekolah serta nasihat daripada Jawatankuasa Pandu COVID-19.

**Peringkat Kedua** yang dijangka akan bermula pada 17 Januari 2022, hanya akan dilaksanakan jika pemantauan menunjukkan tiada peningkatan penularan kes jangkitan wabak yang serius di kalangan pelajar-pelajar, tenaga pengajar dan kakitangan sekolah semasa mereka berada di dalam premis sekolah serta berpandukan nasihat daripada Jawatankuasa Pandu COVID-19. Di peringkat ini, pengajaran dan pembelajaran adalah dilaksanakan secara bersemuka lima (5) kali dalam seminggu bagi pelajar-pelajar yang lengkap dua (2) dos vaksinasi serta kapasiti sekolah ditingkatkan dari 40 peratus kepada 100 peratus.

Pengajaran dan pembelajaran adalah dilaksanakan secara bersemuka lima (5) kali dalam seminggu bagi pelajar-pelajar:

- Tahun 7, 8, 9, 10 dan 11 iaitu Sekolah Menengah termasuk pelajar-pelajar yang berkeperluan khas dalam *priority level* 1 hingga 2. Manakala bagi pelajar-pelajar dalam kategori *priority level* 3 sebanyak tiga (3) kali dalam seminggu;
- Tahun 12 dan 13 iaitu Pusat Tingkatan Enam termasuk pelajar-pelajar yang berkeperluan khas dalam *priority level* 1 hingga 2. Manakala bagi pelajar-pelajar dalam kategori *priority level* 3 sebanyak tiga (3) kali dalam seminggu.

Bagi pelajar-pelajar yang berumur 5 hingga 11 Tahun (belum menerima vaksin), pengajaran dan pembelajaran adalah masih diteruskan melalui kaedah dalam talian atau *Home Learning Pack (HLP)*.

Dalam hal ini, pelajar-pelajar yang masih mempunyai cabaran untuk mengikuti pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian akan terus disokong oleh pihak sekolah dengan memberikan *Home Learning Pack* (HLP) bagi memastikan pelajar dapat mengikuti pembelajaran yang sepatutnya.

Bagi pusat-pusat latihan, Institusi Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) dan Institusi-Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Swasta (IPTS), premis-premis akan dibuka untuk beroperasi melalui pelaksanaan *Whole School Modification Approach* serta berpandukan kepada Garis Panduan Fasa Endemik Bagi Pengajian Tinggi dan Pusat Latihan (Awam dan Swasta).

Langkah-langkah pengawalan bagi pembukaan Pengajian Tinggi dan Pusat Latihan adalah seperti berikut:

- Pengajaran dan pembelajaran akan dijalankan melalui kaedah *hybrid*, iaitu secara dalam talian dan bersemuka mengikut kesesuaian subjek dan modul.
- Pelajar, tenaga pengajar dan individu yang mendapat satu (1) dos vaksin dibenarkan untuk hadir ke kampus dengan mengambil ujian *Antigen Rapid Test (ART)* setiap selang hari dan mendapat keputusan negatif.
- Pelajar, tenaga pengajar dan individu yang tidak mengambil vaksin tidak dibenarkan untuk memasuki premis.
- Aktiviti-aktiviti ko-kurikulum, majlis-majlis/acara-acara dan mesyuarat/seminar adalah dibenarkan untuk disertai oleh individu-individu yang lengkap dos vaksin dengan keputusan ujian ART negatif mengikut garis panduan bagi perkumpulan ramai dengan had kapasiti adalah 75 peratus daripada kapasiti premis atau 300 orang sahaja (yang mana lebih rendah).
- Program *Study Abroad*, penempatan kerja dan lawatan-lawatan sambil belajar adalah dibenarkan bagi individu-individu yang lengkap dos vaksin dengan keputusan ujian ART negatif tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana dalam Kenyataan Media Jabatan Perdana Menteri bertarikh 7 Jamadilawal 1443 bersamaan 12 Disember 2021 mengenai Aktiviti Rentas Sempadan.
- Kemudahan-kemudahan kampus seperti asrama, perpustakaan, kemudahan sukan, kantin dan kafeteria serta surau dibuka dengan had 75 peratus daripada kapasiti premis mengikut garis panduan bagi kemudahan-kemudahan yang telah dikeluarkan oleh Jawatankuasa Pandu COVID-19.
- Dalam masa yang sama, Program vaksinasi adalah masih diteruskan bagi dos lengkap dan vaksin penggalak ataupun *booster*.

Sehingga 11 Disember 2021, 98 peratus tenaga pengajar telah lengkap mendapatkan dua (2) dos vaksin. Ini merupakan perkara yang diberikan prioriti untuk memastikan keselamatan dan kesejahteraan keseluruhan warga sekolah. Dalam pada itu, tenaga pengajar yang belum menerima vaksin diseru untuk mendaftar diri bagi mendapatkanya dalam jangka masa terdekat sebagai komitmen ke arah mendokong usaha pihak Kerajaan dalam membendung penularan wabak ini.

Bagi Program Vaksinasi Kebangsaan Bagi Pelajar-Pelajar Berumur 12 hingga 17 tahun, setakat jam 3:00 petang pada hari ini, seramai 30,455 iaitu 80 peratus orang pelajar telah menerima dos kedua.

Dengan usaha-usaha ini, pihak Kementerian Pendidikan menyeru bagi mendapat sokongan dari semua pihak khasnya ibu bapa untuk terus memberikan kerjasama dalam memastikan keberkesanan segala usaha untuk membendung penularan pandemik ini demi menjamin kesejahteraan anak-anak di sekolah serta keberkesanan dan kecemerlangan pendidikan pelajar-pelajar.

**-TAMAT-**

**Dikeluarkan oleh:**

Bahagian Komunikasi Korporat  
Kementerian Pendidikan  
Negara Brunei Darussalam

Rujukan: KPE/CCD/K1:2/PR/101  
Tarikh: 8 Jamadilawal 1443H / 13 Disember 2021M